KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

**14 DISEMBER 2022 (RABU)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

## 14 DISEMBER 2022 (RABU)

Utusan Malaysia

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 1

Salur kepada golongan B40, M40 dan rakyat yang amat memerlukan

# PM: Agih semula subsidi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan mahakaya dan konglomerat ke arah menopang atau menyokong kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan dan memerlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai hampir 10 juta pengguna tetapi 10 peratus daripada angka itu iaitu satu juta pengguna yang meliputi kumpulan konglomerat menikmati lebih 50 peratus subsidi elektrik.

Justeru tegas beliau, jabatan-jabatan kerajaan mesti merangka serta membangun wahana bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan kebijakan ini.

Perkara itu disampaikan beliau ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bil. 4 untuk tahun 2022, di sini semalam.

Pada saat ini kata Perdana Menteri, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangan bekalan akan memberi dampak yang buruk.

"Justeru kerajaan akan mempertimbang untuk meneliti kaedah campur tangan kerajaan di peringkat pengguna.

"Mesyuarat NACCOL membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan beberapa ikhtiar disyorkan dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan Kabinet akan membuat keputusan esok (hari ini)," katanya dalam kenyataan semalam.

Bersambung di muka 2

Utusan Malaysia

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 2



ANWAR Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bil. 4 untuk tahun 2022 di Putrajaya semalam. – PEJABAT PERDANA MENTERI

# PM: Agih semula subsidi

Dari muka 1

Menurut Perdana Menteri, sebanyak tiga kertas dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan yang mengupas isu, tantangan dan strategi secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Laporan-laporan itu katanya, bertujuan mendapatkan pandangan awal daripada pemegang taruh berkaitan terutamanya pemain industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili hak pengguna.

"Kerajaan juga konsisten dalam membangun serta mendukung pembangunan industri yang mampan," katanya.

Anwar berkata, mesyuarat tersebut juga membincangkan mengenai isu yang dibangkitkan pada mesyuarat khas lalu yang mana beliau sendiri memberikan masa selama dua minggu kepada kementerian terbabit untuk membentangkan semula kertas yang komprehensif setelah mengadakan sesi libat urus dengan pihak yang terlibat.

Dalam pada itu, Anwar berkata, sektor penternakan negara telah lama mencapai tahap yang mampan untuk memenuhi permintaan tempatan dan berupaya untuk mengeksport.

Untuk itu kata beliau, kerajaan berhasrat memudahkan industri ini untuk mengeksport ke luar produk mereka serta memastikan sektor penternakan menghasilkan bekalan yang cukup untuk keperluan rakyat.

Ini termasuk menjamin bantuan yang lebih besar dan bersasar, terutamanya kepada pengusaha tempatan.

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 1

# Kenal pasti kaedah salur subsidi bersasar B40, M40

Perdana Menteri arah jabatan kerajaan cari kaedah sesuai melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri.

- Subsidi pukal yang turut dimanfaatkan golongan kaya dan konglomerat akan disalurkan semula bagi menopang kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan akibat peningkatan kos sara hidup
- Kerajaan mahu memudahkan industri mengeksport produk serta memastikan sektor penternakan menghasilkan bekalan mencukupi untuk rakyat dengan menawarkan bantuan lebih besar dan bersasar, terutama kepada pengusaha tempatan



Oleh Rafidah Mat Ruzki → Nasional 2

BH BeritaHarian

HARI : RABU
TARIKH : 14/12/2022
M/SURAT : 2



*Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.*
(Foto ihsan PMO)

# PM arah sedia mekanisme salur subsidi bersasar

## Jabatan kerajaan diminta rangka saluran sesuai ambil kira kepentingan pengguna

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan mekanisme bersesuaian dibangunkan bagi menyalurkan subsidi bersasar kepada rakyat B40, M40 serta peniaga kecil yang terkesan dan lebih memerlukan akibat peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan ketika ini sistem subsidi pukal turut dinikmati golongan kaya dan konglomerat.

Beliau mengambil contoh subsidi elektrik yang turut dinikmati hampir 10 peratus daripada 10 juta pengguna syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terdiri daripada kumpulan konglomerat.

Sejumlah sejuta pengguna golongan berkenaan menikmati lebih daripada 50 peratus subsidi elektrik yang disalurkan Kerajaan.

"Justeru, jabatan kerajaan mesti merangka serta membangun wahana (saluran) yang bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan kebijakan (dasar) ini," katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL, di sini, semalam.

Mesyuarat NACCOL di Perdana Putra itu turut disertai kedua-dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof, menteri-menteri yang berkaitan serta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Pada 27 November lalu, Anwar mengarahkan NACCOL mencerakin dan menelusuri implikasi subsidi dalam tempoh dua minggu.

### Tiga kertas kerja dibentang

Beliau dilaporkan berkata, subsidi yang ditanggung kerajaan pada masa ini antaranya subsidi elektrik, dinikmati semua golongan walaupun ia sebenarnya bertujuan untuk membantu golongan rakyat miskin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam mesyuarat semalam tiga kertas kerja dibentangkan, selain mengupas isu, tantangan (cabaran) dan strategi secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Beliau berkata, laporan itu bertujuan mendapatkan pandangan awal daripada pemegang taruh berkaitan, terutama peserta industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili hak pengguna.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama, kerajaan juga konsisten dalam membangun serta mendukung pembangunan industri yang mampan.

"Sektor penternakan negara sudah lama mencapai tahap yang mampan untuk memenuhi permintaan tempatan dan berupaya untuk mengeksport.

"Kerajaan berhasrat untuk memudahkan industri ini untuk mengeksport ke luar produk mereka serta memastikan sektor penternakan menghasilkan bekalan yang cukup untuk keperluan rakyat dan ini termasuk menjamin bantuan yang lebih besar dan bersasar, terutama kepada pengusaha tempatan," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangan bekalan akan memberi kesan buruk.

Justeru, beliau berkata, kerajaan akan mempertimbangkan untuk meneliti kaedah campur tangan pada peringkat pengguna.

"Mesyuarat NACCOL membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan beberapa ikhtiar sudah disyorkan. Perkara ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan Kabinet akan membuat keputusan esok (hari ini)," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 14/12/2022
M/SURAT : 4



ANWAR mempengerusikan NACCOL bersama kedua-dua Timbalan Perdana Menteri serta menteri terlibat di Putrajaya semalam.

## Teliti campur tangan kerajaan tangani isu bekalan

# Salur semula subsidi pukal B40, M40

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Subsidi pukal yang dilihat turut memanfaatkan golongan kaya dan konglomerat perlu disalurkan kepada kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang terkesan serta begitu memerlukan.

Perkara itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) yang turut dihadiri kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, menteri berkaitan serta Ketua Setiausaha Negara di sini semalam.

Katanya, mesyuarat itu membincangkan mengenai isu dibangkitkan pada mesyuarat khas lalu, yang mana beliau memberikan masa dua minggu kepada kementerian terbabit untuk membentangkan semula kertas komprehensif setelah mengadakan sesi libat urus dengan pihak terlibat.

"Susulan itu, Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan mahakaya dan konglomerat ke arah menopang kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan serta memerlukan."

"Sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai hampir 10 juta pengguna, tetapi 10 peratus daripada angka itu, yakni sejuta pengguna yang meliputi kumpulan konglomerat menikmati lebih daripada 50 peratus subsidi elektrik.

"Jabatan-jabatan kerajaan mesti merangka serta membangun wahana bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar.

"Ia dibuat dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran serta keberkesanan pelaksanaan kebijakan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihaknya juga mempertimbangkan untuk meneliti kaedah campur tangan kerajaan di peringkat pengguna bagi mengatasi isu kekurangan bekalan di pasaran.

"Pada saat ini, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangan bekalan akan memberi impak buruk.

"Justeru, kami akan mempertimbangkan untuk meneliti kaedah campur tangan kerajaan di peringkat pengguna," jelasnya.

Sinar Harian

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | RABU |
| TARIKH | : | 14/12/2022 |
| M/SURAT | : | 1 |



# Rangka kaedah subsidi bantu B40, M40, peniaga kecil

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan jabatan kerajaan merangka dan membangunkan kaedah bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna serta industri.

Pada masa sama, beliau berkata, Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan kaya dan konglomerat ke arah menopang (membantu) kumpulan B40, M40 serta peniaga kecil yang memerlukan.

10

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | RABU |
| TARIKH | : | 14/12/2022 |
| M/SURAT | : | 10 |

# Rangka kaedah subsidi bantu B40, M40, peniaga kecil

**Dengan mengambil kira kepentingan pengguna, industri**

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan jabatan kerajaan merangka kaedah bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri.

Pada masa sama, beliau berkata, Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan kaya dan konglomerat ke arah menopang (membantu) kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang memerlukan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, mengambil contoh subsidi elektrik, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai hampir 10 juta pengguna yang mana 50 peratus daripada subsidi untuk kemudahan itu dinikmati oleh 10 peratus atau 1 juta pengguna yang terdiri daripada kumpulan konglomerat.

"Jabatan-jabatan kerajaan mesti merangka serta membangun wahana (kaedah) yang bersesuaian bagi melaksanakan subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan kebijakan (dasar) ini," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau dilaporkan berkata, subsidi yang ditanggung kerajaan pada masa ini antaranya subsidi elektrik, dinikmati semua golongan walaupun ia sebenarnya bertujuan untuk membantu golongan rakyat miskin.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan mempertimbangkan untuk meneliti kaedah campur tangan di peringkat pengguna bagi mengatasi isu kekurangan bekalan keperluan di pasaran.



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 4, Tahun 2022 pada Selasa.

Menurutnya, perkara tersebut dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) pada Selasa.

"Mesyuarat NACCOL telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan beberapa ikhtiar telah disyorkan dan ia akan dibentangkan kepada kabinet yang akan membuat keputusan esok (Rabu)," katanya.

Beliau berkata, sebanyak tiga kertas dibentangkan dalam mesyuarat NACCOL yang mengupas isu, tantangan (cabaran) dan strategi secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Perladangan dan Komoditi.

"Laporan itu bertujuan untuk mendapatkan pandangan awal daripada pemegang taruh berkaitan terutamanya pemain industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili hak pengguna," jelasnya.

Katanya, kerajaan juga konsisten dalam membangun serta mendukung pembangunan industri yang mampan.

Beliau berkata, sektor penternakan negara sudah lama mencapai tahap yang mampan bagi memenuhi permintaan tempatan dan berupaya untuk mengeksport.

"Kerajaan berhasrat untuk memudahkan industri ternakan bagi mengeksport produk mereka serta memastikan sektor penternakan menghasilkan bekalan mencukupi untuk keperluan rakyat.

"Ini termasuk menjamin bantuan yang lebih besar dan bersasar terutamanya kepada pengusaha tempatan.

"Pada saat ini, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangannya akan memberi dampak (impak) yang buruk," ujar beliau.

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 1



PIC BY MIKAIL ONG

# ZOOMING IN ON SUBSIDIES

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim chairs the National Action Council on Cost of Living meeting, and orders government agencies to come up with mechanisms to better target subsidies to the B40 and M40 groups as well as small businesses. Experts laud the move but caution that challenges to producers must also be addressed to rein in prices.

» REPORTS BY **NURADZIMMAH DAIM** AND **DHESEGAAN BALA KRISHNAN** ON **PAGES 2 & 3**

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 2



*A shopper walking past a stall selling eggs at Myfarm Outlet Kasih in Putrajaya yesterday.* BERNAMA PIC

RESTRUCTURING

# FINE-TUNE TARGETED SUBSIDIES, SAYS PM

## Govt depts told to develop measures that take into account consumer, industry interests

NURADZIMMAH DAIM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed all government departments to formulate and develop suitable measures to implement targeted subsidies by taking into account the interests of consumers as well as industries.

Anwar, who chaired a National Action Council on Cost of Living (NACCOL) meeting yesterday, said the government also aims to restructure the way bulk subsidies are channelled, as it now only benefits the "super rich" and conglomerates.

He said subsidies must be restructured to support the Bottom 40 per cent (B40), Middle 40 per cent (M40) and small businesses that were badly affected and in dire need of assistance.

"For example, Tenaga Nasional Bhd has almost 10 million users, but 10 per cent of the number, or one million of them, include conglomerates that enjoy electricity subsidies of over 50 per cent.

"Government agencies develop suitable measures to implement targeted subsidies by taking into account consumers' and industries' needs, as well as ensuring smooth and effective implementation," he said in a statement after the meeting.

The meeting was attended by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof and Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Also in attendance were top government officials and agencies, led by Bank Negara Governor Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, as well as ministry secretaries-general.

On Nov 25, Anwar, at his first press conference as prime minister, announced that the rising cost of living will be a priority of the unity government, vowing to alleviate the people's burden.

After chairing the NACCOL meeting that day, he said government officials had been given two weeks to study the implications of the current subsidy system.

The officials were told to hold engagement sessions with relevant parties to formulate a new strategy on subsidies.

Yesterday, Anwar said three reports were presented at the NACCOL meeting, focusing on joint issues, challenges and strategies faced by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Natural Resources, Environment and Climate Change Ministry and Plantation Industries and Commodities Ministry.

He said the reports included the preliminary views of stakeholders, especially industry players and non-governmental organisations that focus on consumer rights.

Anwar said the government was consistent in developing and supporting sustainable industry developments.

He said the country's farming sector had long achieved a level of sustainability that could fulfil domestic needs as well as export.

"The government will help industries export their products and ensure the livestock sector can produce enough for the people.

"This includes securing larger and more targeted assistance, especially for local operators."

He said at present, the supply issue was the government's priority, as any shortage would have a negative impact on the people.

Anwar said the government will study possible interventions at the consumer level to keep prices of goods in check.

He said the NACCOL meeting discussed the matter at length and several measures were recommended.

"This matter will be presented to the cabinet for a decision tomorrow (today)."

NEW STRAITS TIMES

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 3

COST OF LIVING

# 'REVIEWING SUBSIDIES NOT ENOUGH'

## Govt should also identify, address root cause behind rising prices of goods, say experts

NURADZIMMAH DAIM
AND DHESEGAAN BALA KRISHNAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

EXPERTS believe the government's focus on re-examining the subsidies system should remain a priority, but it has to be done in tandem with identifying and addressing the root cause behind the rising prices of goods.

Consumers Association of Penang (CAP) senior education officer N.V. Subbarow said the government must first address agricultural output challenges in safeguarding the main source of food for the population.

Citing the current egg shortage, Subbarow, who visits agro-producers and wet markets regularly, said some egg-producing chicken breeders had resorted to selling their poultry.

"They (farmers) said some of their chickens can no longer lay eggs, so they sold the meat.

"The Agriculture and Food Security Ministry must look into the real issue instead of giving more and more subsidies to producers.

"Similar issues are happening with other livestock. I know breeders of milk-producing goats who have sold their livestock as meat,"



*A vegetable stall at the Taman Tun Sardon market in George Town.* PIC BY DANIAL SAAD

he told the *New Straits Times*.

He said eradicating middlemen, a huge headache for the government, could be achieved by creating more platforms for farmers to sell their products directly to consumers or agencies.

He suggested creating more agricultural centres in regions that would help reduce farmers' transportation costs.

"Some farmers have no choice but to sell their vegetables to middlemen as they don't have the means to transport them far away. Creating agricultural centres near their farms will greatly help farmers sell their products directly.

"Regular checks and enforcement will also help prevent profiteering by sellers."

On the restructuring of subsidies, Subbarow said capping the amount of subsidised electricity for domestic users could help them become smarter consumers and prevent wastage.

"As for industries, the prices of goods they produce should reflect the subsidies they receive. Otherwise, they should pay the normal (non-subsidised) industry rates. It's not fair for them to raise prices when they also receive subsidies."

Meanwhile, Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, an economic analyst at Putra Business School, said while targeted electricity subsidies could reduce energy costs for B40 and M40 households, the move would subject manufacturers to higher tariffs, which could drive up prices of essential items.

He said the government should roll out financial assistance to B40 and M40 households to help them cope with their daily expenses.

"Without subsidies, larger corporations will have to raise the prices of their products to cope with the higher electricity tariff.

"Fuel production will also get more expensive next year since it is expected that the cost of purchasing coal and gas will be 2.5 times higher than now.

"If higher tariff rates translate to price hikes for consumers, then the subsidy revamp will be a futile exercise. So, the best way to implement targeted subsidies is to also give monthly financial assistance in the form of e-vouchers to B40 and M40 households."

He said giving out aid in the form of e-vouchers was more sustainable than distributing cash handouts, which would require the government to borrow more and increase the federal debt.

He said giving aid via e-vouchers should continue until the government could rein in inflation.

He urged the government to fully use the Bantuan Keluarga Malaysia database to identify B40 household that should receive targeted subsidies, while a list of eligible M40 recipients could be obtained from the Inland Revenue Board.

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | RABU |
| TARIKH | : | 14/12/2022 |
| M/SURAT | : | 3 |

# Peserta industri digesa bantu kurang beban sara hidup

## Tingkat kecekapan pengeluaran, gunakan teknologi moden minimum operasi syarikat

Oleh Nurul Husna Mahmud
bhnews@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meminta peserta industri berganding bahu dengan kerajaan dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata semua peringkat pengeluaran, sama ada pengilang, pembekal dan peruncit boleh membantu kerajaan dengan meningkatkan kecekapan pengeluaran serta menggunakan teknologi yang dapat mengurangkan kos operasi masing-masing.

Katanya, pendekatan menyeluruh perlu dilaksanakan, termasuk bekerjasama dengan kementerian lain dan peserta industri bagi menangani kos sara hidup, terutama dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dunia yang dijangkakan tahun depan.

"Hasil daripada penjimatan kos ini, ia dapat digunakan untuk membantu rakyat dengan menurunkan harga barangan," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-35 99 Speed Mart dan Perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), di sini malam kelmarin.

### Contohi 99 Speed Mart

Beliau berkata, 99 Speed Mart adalah antara pasar mini yang perlu dicontohi peruncit lain apabila syarikat terbabit mampu menawarkan harga barang lebih murah, sekali gus mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Salahuddin berkata, sektor peruncitan adalah antara sektor penting yang memacu ekonomi negara.

Katanya, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai jualan subsektor perdagangan borong dan runcit bagi suku ketiga 2022 adalah sebanyak RM398.4 bilion, dengan pertumbuhan positif 32.45 peratus.

"Kerajaan menyasarkan untuk mencapai nilai jualan sektor peruncitan sebanyak RM500 billion pada tahun ini.

"Kerjasama yang erat antara kerajaan dan industri peruncitan akan memberikan manfaat kepada kemajuan ekonomi negara," katanya.



"Hasil daripada penjimatan kos ini, ia dapat digunakan untuk membantu rakyat dengan menurunkan harga barangan"

*Salahuddin Ayub,*
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup*

BH
BeritaHarian

HARI : RABU
TARIKH : 14/12/2022
M/SURAT : 3

# Syor hapus subsidi, beri bantuan tunai B40

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu menghapuskan pemberian subsidi khususnya membabitkan minyak masak serta telur dan menggantikannya dengan subsidi bersasar menerusi pemberian tunai bulanan untuk golongan B40.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin, berkata langkah ini dapat menjamin situasi menang-menang untuk semua pihak dan mengurangkan bebanan kerajaan untuk menanggung subsidi.



*Dr Ameer Ali Mydin*

Beliau berkata, ketika ini, semua keluarga membeli minyak bersubsidi dan kerajaan menanggung kos sehingga RM4 bilion setahun untuk pemberian subsidi kepada rakyat.

"Minyak masak tanpa subsidi bernilai RM30.90 (lima kg) dan minyak masak peket bersubsidi berharga RM2.50 (sekilogram), jadi bezanya RM18.40 sebulan.

"Daripada kerajaan memberi subsidi RM4 bilion setahun dan ada ketirisan, lebih baik nilai RM18.40 itu dimasukkan ke dalam subsidi bersasar kepada keluarga B40.

"Jadi daripada kerajaan salurkan RM4 bilion, lebih baik kerajaan beri peruntukan RM1.5 bilion untuk golongan B40 ini supaya mereka juga dapat beli minyak masak," katanya kepada *BH*.

Kelmarin, Ameer bertemu dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, bagi mencari titik persamaan dalam menyelesaikan masalah harga barang dan kos sara hidup.

## Import telur tak praktikal

Ameer yang juga Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), turut menyatakan cadangan mengimport telur ayam dari negara luar adalah tidak praktikal memandangkan harganya jauh lebih tinggi dari negara ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan sepatutnya menghentikan eksport telur ke luar negara dan mengapungkan harga telur bagi memastikan bekalan telur dalam negara mencukupi.

Sementara itu, beliau juga meminta kerajaan menangguhkan pindaan Akta Pekerja 1955, yang mana ia akan meningkatkan kos perbelanjaan kepada peniaga dan berkemungkinan menyaksikan kenaikan harga barangan.

Beliau berkata, berdasarkan pindaan itu, pekerja dengan gaji di bawah RM4,000 boleh menuntut kerja lebih masa, manakala cuti ibu bersalin dinaikkan daripada 90 hari kepada 98 hari dan cuti paterniti daripada tiga hari kepada lapan hari.

BH BeritaHarian

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 3



*Pelbagai jenama minyak masak dijual di pasaran ketika tinjauan di sekitar Shah Alam, semalam.* (Foto Aziah Azmee/BH)

# Harga minyak masak dijual melebihi kadar ditetapkan

**Kuala Lumpur:** Bekalan minyak masak di pasaran ketika ini didapati mencukupi, namun dijual dengan harga lebih mahal daripada kadar yang ditetapkan kerajaan.

Tinjauan *BH* mendapati, harga minyak masak botol lima kilogram (kg) dijual pada harga antara RM33.95 dan RM39.90 mengikut jenama, sedangkan kerajaan menetapkan harga RM30.90 untuk tempoh pelaksanaan di antara 8 Disember hingga 7 Januari.

Harga minyak masak botol dua kg pula ada yang dijual pada harga RM18.90, berbanding harga RM13.30 yang ditetapkan kerajaan.

Pengurus Cawangan 99 Speedmart, Nurul Akhmal Salleh, 33 berkata harga minyak masak botol berbeza mengikut jenama.

"Setiap minyak masak botol lima kg berbeza harganya mengikut jenama. Contohnya ada jenama tertentu dijual pada harga RM37.20, RM39.90 dan RM33.96. Manakala bagi minyak paket pula ada yang dijual dengan harga RM2.30," katanya.

## Jenama berbeza

Peniaga VM Mart, Chandran, 53, mengakui beberapa jenama dijual dengan lebih mahal berbanding jenama lain kerana mendakwa ia berasaskan kelapa sawit.

"Saya tahu mengenai penurunan harga yang diumumkan kerajaan, dua minggu lalu. Tetapi, minyak masak botol masih dijual lebih mahal. Ada minyak botol dua kg umpamanya berharga RM18.90," katanya.

Awal bulan lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof, mengumumkan harga minyak masak botol bagi satu kg kekal pada harga RM6.90, dua kg (RM13.30), tiga kg (RM19.60) dan lima kg pada harga RM30.90.

Beliau berkata, mana-mana pihak yang didapati menjual melebihi harga maksimum ditetapkan, boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Sabit kesalahan bagi individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda sehingga RM500,000," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 16



**Sebaran Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM8.99 | Telur Gred A | RM13.50 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM8.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM44.25 | Ikan Kembung | RM16.99 | Bawang Besar Holland | RM3.99 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.49 |
| Daging Lembu Import | RM50.90 | Minyak Masak | RM6.90 | Bawang Putih | RM3.99 | Tepung Gandum | RM3.35 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (BERITA UMUM)

## 14 DISEMBER 2022 (RABU)

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 1

**Kos sara hidup dijangka meningkat pada 2023 »33**



Utusan Malaysia

HARI : RABU

TARIKH : 14/12/2022

M/SURAT : 33

Ketidaktentuan ekonomi 2023, import barangan makanan cecah RM65b setahun

# Kos sara hidup dijangka meningkat

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juanibakar@mediamulia.com.my




HARGA barangan makanan terutama produk import dijangka terus meningkat berikutan nilai ringgit yang lebih rendah berbanding dolar Amerika Syarikat. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA:** Malaysia dijangka mengalami tempias ekonomi global yang bergerak perlahan pada 2023 sekali gus menyebabkan kenaikan kos sara hidup apabila negara terpaksa berbelanja lebih untuk mengimport barangan makanan yang kini mencecah RM65 bilion setahun.

Perkara itu berlaku akibat dua faktor iaitu barangan berkenaan dibeli dari negara menghadapi kemelesetan dan mereka terpaksa menaikkan harga di samping kelemahan ringgit.

Situasi tersebut boleh menyebabkan kadar peningkatan makanan terus kekal tinggi melebihi lima peratus sehingga tahun depan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis ekonomi daripada Sekolah Siswazah Perniagaan Universiti Tun Abdul Razak, Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai menjelaskan, Malaysia sebagai sebuah negara mengamalkan dasar ekonomi terbuka terdedah kepada risiko ekonomi global sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan import bahan makanan daripada luar.

Jelasnya, pemerhati politik sebelum ini menjangkakan kemerosotan ekonomi sepatutnya berlaku pada 2020 sebaliknya tahun depan dengan Bank Dunia menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global daripada 3.0 peratus kepada 1.9 peratus iaitu menghampiri paras kemelesetan global.

"Sepatutnya pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat dan terus meningkat, tetapi jangkaan ini (kemelesetan ekonomi global) menyebabkan terjadi sebaliknya apatah lagi dasar ekonomi kita terbuka terdedah kepada risiko sama ada kepada sektor eksport dan import.

"Justeru, kerajaan perlu memfokuskan keselamatan makanan yang bertujuan mengurangkan kebergantungan import makanan yang akhirnya dapat mengurangkan perbelanjaan negara untuk membeli barangan dari luar negara, di samping mengelakkan kenaikan perbelanjaan rakyat. Hal ini kerana, kita terlalu berbelanja untuk import makanan," katanya.

Presiden Bank Dunia, David Malpass sebelum ini memberitahu, ekonomi global dalam keadaan 'bahaya' untuk menghampiri kemelesetan selepas data inflasi menunjukkan peningkatan, kadar faedah juga terus meningkat dan bebanan hutang melonjak di negara sedang membangun.

Beliau berkata, kelembapan ekonomi dunia benar-benar menjejaskan negara-negara sedang membangun, terutamanya golongan miskin di negara terbabit, sekali gus memberikan impak yang negatif.

Justeru Barjoyai mengingatkan rakyat untuk mempunyai tabungan wang kecemasan sebagai persediaan akan datang kerana ketidaktentuan ekonomi tahun depan yang dianggap terlalu mencabar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga negara lain.

Beliau meminta rakyat Malaysia untuk berbelanja secara berhemah dengan lebihan wang boleh disimpan ke dalam tabungan masing-masing.

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 DISEMBER 2022 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 14-Dec | Rangka saluran sesuai untuk subsidi bersasar | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/914644/rangka-saluran-sesuai-untuk-subsidi-bersasar-pm | HM |
| 14-Dec | Malaysia Must Redistribute Bulk Subsidies Towards Supporting B40, M40, Small Traders; Anwar | https://www.businesstoday.com.my/2022/12/13/malaysia-must-redistribute-bulk-subsidies-towards-supporting-b40-m40-small-traders-anwar/ | BUSINESSTODAY |
| 14-Dec | Kerajaan timbang kaedah campur tangan di peringkat pengguna, atasi kekurangan bekalan | https://www.google.com/amp/s/www.airtimes.my/2022/12/13/kerajaan-timbang-kaedah-campur-tangan-di-peringkat-pengguna-atasi-kekurangan-bekalan/amp/ | AIRTIMES |
| 14-Dec | Anwar hari ini mempengerusikan mesyuarat majlis tindakan sara hidup | https://dayakdaily.com/anwar-hari-ini-mempengerusikan-mesyuarat-majlis-tindakan-sara-hidup/ | DAYAKDAILY |
| 14-Dec | Kerajaan pertimbangkan kaedah campur tangan tangani isu bekalan – PM | https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2022/12/13/kerajaan-pertimbangkan-kaedah-campur-tangan-tangani-isu-bekalan-pm/amp/ | MALAYSIAPOST |
| 14-Dec | Salur semula subsidi pukal golongan mahakaya, konglomerat – PM | https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/salur-semula-subsidi-pukal-golongan-mahakaya-konglomerat-pm/ | UM |
| 14-Dec | Tiga kertas dibentang dalam mesyuarat kos sara hidup, kerajaan pastikan sektor penternakan hasilkan bekalan mencukupi | https://malaysiadateline.com/tiga-kertas-dibentang-dalam-mesyuarat-kos-sara-hidup-kerajaan-pastikan-sektor-penternakan-hasilkan-bekalan-mencukupi/ | MALAYSIADATELINE |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Dec | Kabinet teliti kaedah campur tangan bekalan makanan | https://malaysiagazette.com/2022/12/13/kabinet-teliti-kaedah-campur-tangan-bekalan-makanan/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 14-Dec | Kerajaan timbang kaedah campur tangan di peringkat pengguna, atasi kekurangan bekalan | https://www.google.com/amp/s/www.airtimes.my/2022/12/13/kerajaan-timbang-kaedah-campur-tangan-di-peringkat-pengguna-atasi-kekurangan-bekalan/amp/ | AIRTIMES |
| 14-Dec | Kekurangan bekalan: Kerajaan teliti kaedah campur tangan di peringkat pengguna | https://www.buletintv3.my/nasional/kekurangan-bekalan-kerajaan-teliti-kaedah-campur-tangan-di-peringkat-pengguna/ | BULETINTV3 |
| 14-Dec | Kerajaan pertimbangkan kaedah campur tangan tangani isu bekalan – PM | https://www.google.com/amp/s/malaysiapost.com.my/2022/12/13/kerajaan-pertimbangkan-kaedah-campur-tangan-tangani-isu-bekalan-pm/amp/ | MALAYSIAPOST |
| 14-Dec | PM arah jabatan kerajaan bangunkan wahana laksana subsidi bersasar | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/417022 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 14-Dec | PM dedah kira-kira 1 juta golongan mahakaya, konglomerat terima lebih separuh subsidi elektrik | https://www.google.com/amp/s/www.malakattribunenews.com/2022/12/pm-dedah-kira-kira-1-juta-golongan-mahakaya-konglomerat-terima-lebih-separuh-subsidi-elektrik/amp/ | MALAKATTRIBUNENEWS |
| 14-Dec | Pengilang, peruncit diminta bersama kerajaan kurangkan kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1038869/pengilang-peruncit-diminta-bersama-kerajaan-kurangkan-kos-sara-hidup | BH |
| 14-Dec | KPDN seru pemain industri bantu tangani kos sara hidup | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/914574/kpdn-seru-pemain-industri-bantu-tangani-kos-sara-hidup | HM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Dec | Sistem kupon renyah – Peniaga | https://www.kosmo.com.my/2022/12/13/sistem-kupon-renyah-peniaga/ | KOSMO |
| 14-Dec | Malaysia considering consumer-level intervention to address supply issues: PM Anwar | https://www.channelnewsasia.com/asia/malaysia-anwar-ibrahim-supply-shortage-government-intervention-consumer-goods-subsidies-3141196 | CHANNELNEWSASIA |
| 14-Dec | Wujud subsidi bersasar bantu B40, M40, peniaga terkesan - PM | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/914781/wujud-subsidi-bersasar-bantu-b40-m40-peniaga-terkesan-pm | HM |
| 14-Dec | Kerajaan perlu hapus subsidi, beri bantuan tunai untuk B40 | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1038965/kerajaan-perlu-hapus-subsidi-beri-bantuan-tunai-untuk-b40 | BH |
| 14-Dec | KPDN tumpas aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Telok Panglima Garang | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2147451 | BERNAMA |
| 14-Dec | KPDN tumpas aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Telok Panglima Garang | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tumpas-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi-di-telok-panglima-garang-396657%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 14-Dec | 99 speedmart lancar kempen Beli Barangan Buatan Malaysia sempena ulang tahun ke-35 | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2147560 | BERNAMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Dec | KPDN tumpas aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di Telok Panglima Garang | https://www.thesundaily.my/home/kpdn-tumpas-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi-di-telok-panglima-garang-EH10355670 | THESUNDAILY |
| 14-Dec | Penguat kuasa KPDN berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi | https://www.buletintv3.my/nasional/penguat-kuasa-kpdn-berjaya-menumpaskan-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi/ | BULETINTV3 |
| 14-Dec | KPDN Tumpas Aktiviti Seleweng Diesel Bersubsidi Bernilai Ratusan Ribu | https://www.getaran.my/artikel/semasa/36988/kpdn-tumpas-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-bernilai-ratusan-ribu | GETARAN |
| 14-Dec | 99 Speedmart lancar Kempen Beli Barangan Malaysia | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/235911 | SH |
| 14-Dec | Jelajah Ehsan Rakyat diteruskan Januari depan | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/914829/jelajah-ehsan-rakyat-diteruskan-januari-depan-metrotv | HM |
| 14-Dec | Bos Mydin ‘Meeting’ Dengan Menteri, Tapi Buku 555 Jadi Perhatian | https://siakapkeli.my/2022/12/13/bos-mydin-meeting-dengan-menteri-tapi-buku-555-jadi-perhatian/ | SIAKAPKELI |